



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
 OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
 SEKTOR OPERASI SEKOLAH
 SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
 MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
 ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
 LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
 PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
 62604 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
 Faks : +603-8889 6680
 Website : http://www.moe.gov.my/

Ruj. Tuan : UPSI/PLMI/PPG/639 Jld. 8 (11)
 Ruj. Kami : KPM.500-8/9/1 Jld. 10 (27)
 Tarikh : 15 November 2022

YBrs. Prof. Madya Dr. Ashardi bin Abas
 Pengarah,
 Pusat Latihan dan Industri,
 Universiti Pendidikan Sultan Idris,
 35900 Tanjong Malim,
 Perak Darul Ridzuan.



Nally
professor pusat
KJ
keangkuhan
rumah
dan
lalat

YBrs. Prof. Madya Dr.,

PERMOHONAN MENEMPATKAN GURU PELATIH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DI SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) UNTUK MENJALANI PROGRAM PERANTIS GURU (PPG)/LATIHAN MENGAJAR (LM)/INTERNSHIP KAUNSELING (IK)/LATIHAN INDUSTRI (LI)/PRAKTIKUM KAUNSELING BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **tiada halangan** kepada pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk melaksanakan Program Perantis Guru (PPG)/Latihan Mengajar (LM)/Internship Kaunseling (IK)/Latihan Industri (LI)/Praktikum Kaunseling di sekolah-sekolah KPM pada tahun 2023.
3. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa** daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
4. Sehubungan dengan itu, pihak universiti/institut pendidikan hendaklah menghubungi **Pengarah Pendidikan Negeri** yang terlibat untuk membincangkan kaedah terbaik pelaksanaan program ini. Pihak YBrs. Prof. Madya Dr. juga perlu mengemukakan nama pelajar kepada Pendaftar Negeri (Pegawai Pendidikan Negeri) di mana pelajar akan mengikuti latihan praktikum tersebut untuk mendapatkan **Permit Mengajar**.

...	Untuk Tindakan	
IP (LM & LI)		
IP (PP & A)		
Pen. Pendaftar	Untuk Makluman	
SU		
Pwangan		
	✓	Sila Bincang
A Sistem		Tolikan

...2/-

 PROF. MADYA DR. ASHARDI BIN ABAS
 Pengarah
 Pusat Latihan Mengajar dan Latihan Industri
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

5. Pihak universiti/institut pendidikan perlu memastikan pelajar mendapatkan Permit Mengajar di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) berkenaan. **Kegagalan pelajar untuk mendapatkan Permit Mengajar daripada JPN sebelum menjalani latihan praktikum boleh menyebabkan pelajar tidak dapat menjalani latihan praktikum.**
6. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada:
 - 6.1 **Seksyen 103(1) dan 2(a), 2(b) dan 2(c), Larangan Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550);**
 - 6.2 **Seksyen 114(1)(a) Pengeluaran Permit Mengajar, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550); dan**
 - 6.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.7/1985: Latihan Mengajar Bagi Guru-Guru Pelatih Maktab Perguruan, Pusat/Fakulti Pendidikan Universiti.**
7. Ketua Pendaftar boleh, pada bila-bila masa dan menurut budi bicaranya, membatalkan sesuatu permit mengajar dengan memberi notis bertulis kepada pemegang permit itu.
8. Di samping itu, pihak YBrs. Prof. Madya Dr. juga dikehendaki memastikan syarat-syarat berikut dipatuhi:
 - 8.1 **Mendapat kebenaran daripada JPN/pengetua/guru besar sekolah-sekolah yang terlibat dan pihak JPN boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian/keperluan;**
 - 8.2 Pihak sekolah akan melantik guru/guru-guru pendamping dan mereka boleh pada bila-bila masa memantau guru-guru pelatih berkenaan;
 - 8.3 Pihak universiti/institut pendidikan hendaklah menamakan pegawai akademik/pensyarah pembimbing yang akan bertanggungjawab kepada guru-guru pelatih berkenaan;
 - 8.4 Pengarah Pendidikan Negeri boleh menggunakan budi bicaranya untuk menentukan jadual pengajaran/tugas pelatih berkenaan setelah berbincang dengan pegawai akademik/pensyarah pembimbing mereka;
 - 8.5 Guru-guru pelatih boleh diarahkan oleh pengetua/guru besar untuk terlibat sama dengan mana-mana program dan/atau aktiviti sekolah;

- 8.6 Pihak universiti/institut pendidikan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebajikan pelatih sepanjang menjalani latihan praktikum;
 - 8.7 Semua kos yang melibatkan peralatan semasa menjalani latihan praktikum hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pihak universiti/institut pendidikan;
 - 8.8 Pelatih yang sedang menjalani latihan praktikum adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan sedia ada, etika profesion keguruan dan tindakan boleh diambil jika mereka melanggar mana-mana peraturan tersebut;
 - 8.9 Salinan laporan di akhir latihan praktikum hendaklah dikemukakan **dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program dilaksanakan kepada Pendaftar tersebut;
 - 8.10 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
 - 8.11 Mematuhi arahan-arahan lain Ketua Pendaftar dari semasa ke semasa; dan
 - 8.12 **Guru pelatih juga perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan.**
9. KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran ini sekiranya pihak YBrs. Prof. Madya Dr. gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuat kuasa.
10. **Kelulusan ini (Program Perantis Guru (PPG)/Latihan Mengajar (LM)/Internship Kaunseling (IK)/Latihan Industri (LI)/Praktikum Kaunseling Bagi Tahun 2023) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh 15 Disember 2023.** Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Shah Rafi Bin Ihsham Shah di talian 03-8884 9354 atau e-mel rafi.ihsham@moe.gov.my.

Segala perhatian pihak YBrs. Prof. Madya Dr. berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR. NORISAH BINTI SUHAILI

- s.k.
1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Pengarah Pendidikan
Semua Jabatan Pendidikan Negeri

PUSAT LATIHAN MENGAJAR DAN INDUSTRI (PULAMI)

Ruj. Kami : UPSI/PLMI/PPG/639 Jld. 8 (11)

Tarikh : 3 November 2022

8 Rabiulakhir 144H

YBhg. Dr. Norisah Binti Suhaili
Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah)
Aras 4 Blok E2
Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya.
0388849302

YBhg.Dr.,

PERMOHONAN MENEMPATKAN GURU PELATIH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) DI SEKOLAH-SEKOLAH DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) UNTUK MENJALANI PROGRAM PERANTIS GURU (PPG)/ LATIHAN MENGAJAR (LM)/ INTERNSHIP KAUNSELING (IK)/ LATIHAN INDUSTRI (LI) /PRAKTIKUM KAUNSELING BAGI TAHUN 2023

Dengan segala hormat dan penuh takzim, sukacitanya dimaklumkan bahawa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan melaksanakan Program Perantis Guru (PPG)/ Latihan Mengajar (LM)/ Internship Kaunseling (IK)/ Latihan Industri (LI) / Praktikum Kaunseling bagi pelajar-pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi tahun 2023.

2. Untuk makluman, pelaksanaan PPG adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada guru pelatih memahami sekolah sebagai institusi pendidikan dan peranan guru di dalam kelas. Guru pelatih diharap dapat memahami tingkah laku murid, pengurusan sekolah, pengurusan bilik darjah, proses penyepaduan teori dan amalan dalam konteks pengajaran pembelajaran menerusi pemerhatian, interaksi dan refleksi.

3. Di samping itu, LM/IK pula merupakan salah satu kursus yang menjadi sebahagian daripada syarat bergraduasi di universiti. Kursus ini menyediakan peluang bagi guru pelatih/kaunselor pelatih mempraktikkan segala pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang telah dipelajari bagi membolehkan guru pelatih/kaunselor pelatih menjadi insan guru berkualiti, berpengetahuan luas dan berketerampilan. IK juga bermatlamat untuk menyediakan peluang kepada guru pelatih/kaunselor pelatih mengalami dan mengaplikasikan ilmu pendidikan dalam konteks sebenar di institusi pendidikan.

4. LI adalah salah satu kursus wajib yang diikuti dan lulus oleh setiap pelajar yang menjalani pengajian di peringkat Diploma/ISM/ISMP dan Sarjana. Kursus ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan teori yang dipelajari kepada situasi sebenar di alam pekerjaan. Selain itu, pelajar juga dapat menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasaran graduan.


5. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat pelaksanaan bagi program yang dinyatakan (**Lampiran A**). Sehubungan itu, kami memohon kebenaran dan sokongan daripada YBhg. Dr. untuk menempatkan pelajar daripada UPSI bagi menjalani Program Perantis Guru (PPG)/Latihan Mengajar (LM)/Internship Kaunseling (IK)/Latihan Industri (LI) di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi tahun 2023. Kerjasama dan persetujuan daripada YBhg. Dr. amat diharapkan bersesuaian dengan persetujuan yang termaktub dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1985 bertarikh 17 Jun 1985, Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.

6. Kebenaran dan sokongan daripada YBhg. Dr. adalah amat diharapkan agar pihak kami dapat mengeluarkan surat permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) berkaitan pelaksanaan program ini. Pihak kami akan memastikan dan mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan penempatan di sekolah-sekolah di bawah kementerian. Kerjasama daripada YBhg. Dr. adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UPSI NO.1 PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan amanah



(PROFESOR MADYA DR. ASHARDI BIN ABAS)

Pengarah

Pusat Latihan Mengajar dan Industri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

s.k: - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPSI
- Fail



UPSI
No.1
PENDIDIKAN



PROGRAM PERANTIS GURU /LATIHAN MENGAJAR/INTERNSHIP KAUNSELING (IK)/ LATIHAN INDUSTRI (LI) BAGI TAHUN 2023

Program	Tempoh	Peringkat pengajian
Program Perantis Guru	1 minggu 2 minggu 3 minggu 4 minggu	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan • Ijazah Sarjana Muda dengan Pendidikan
Latihan Mengajar	8 minggu 12 minggu	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan • Ijazah Sarjana Muda dengan Pendidikan
Internship Kaunseling	16 minggu 20 minggu	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan • Sarjana
Latihan Industri	8 minggu 16 minggu 24 minggu	<ul style="list-style-type: none"> • Diploma • Ijazah Sarjana Muda • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan • Ijazah Sarjana Muda dengan Pendidikan
Pratikum Kaunseling	14 minggu	<ul style="list-style-type: none"> • Ijazah Sarjana Muda Pendidikan • Sarjana